

Pengurusan Hutang Lapuk di Perbankan Islam Merentasi Kitaran Ekonomi

Nur Ainina Binti Mohd Fauzi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
aininafauzi@gmail.com

Abdul Ghafar Bin Ismail
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
agibab@ukm.com

ABSTRAK

Pengurusan kewangan di perbankan adalah sangat penting. Pengurusan hutang lapuk di perbankan Islam penting kerana ia boleh menjejaskan kualiti pembiayaan dan risiko kredit. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan bagi melihat pengaruh kitaran ekonomi dalam menguruskan hutang lapuk. Selain itu kajian ini juga adalah untuk melihat kesan hutang lapuk di bank Islam serta bagaimana bank Islam menguruskan hutang lapuk. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan data dari 17 buah bank Islam dari tahun 1997-2010. Spesifikasi model dibina dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa pengurusan hutang lapuk sangat penting kerana peruntukkan yang dilakukan oleh bank Islam apabila berlakunya kitaran ekonomi. Selain itu, hutang lapuk memberi kesan ke atas kewangan bank kerana ia akan mendorong berlakunya risiko.

Kata kunci : Pengurusan Hutang, Pinjaman tidak berbayar, Peruntukan Kerugian, Pengurusan Risiko, Perbankan Islam
Klasifikasi JEL : H63, G23, G21, G32, G21

ABSTRACT

Financial management is very important in banking. Bad debt management in Islamic banking is important because it can affect the quality of financing and credit risk. Therefore, this study was conducted to determine the influence of the economic cycle in managing bad debt. In addition, this study determine the effect of bad debts in Islamic banks and how Islamic banks manage bad debts. This study was conducted using data from 17 Islamic banks from 1997 to 2010. Specification of the model developed in this study. The study found that bad debt management is very important because the provision made by Islamic banks in the event of economic cycles. In addition, bad debt financial impact on banks because it will encourage the occurrence of the risk.

Keywords : Debt Management, Non Performing Financing, Loss Provision, Risk Management, Islamic banking
JEL Classification: H63, G23, G21, G32, G21

PENGENALAN

Pengurusan hutang lapuk di perbankan Islam diuruskan dengan adanya peruntukkan hutang lapuk. Peruntukkan hutang lapuk atau boleh juga disebut peruntukan kerugian pinjaman adalah akruan yang agak besar kepada sejumlah nisbah pembiayaan terkumpul bagi setiap institusi bank perdagangan dan dengan itu mempunyai impak yang ketara kepada hasil pendapatan bank dan pengawalseliaan modal. Pada amnya, objektif peruntukan hutang lapuk adalah untuk menyesuaikan pinjaman bank dan rizab hutang lapuk bank bagi persediaan kerugian pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu juga, pengurus bank perdagangan juga mempunyai insentif untuk menggunakan peruntukan hutang lapuk dan menguruskan hasil pendapatan dan pengawalseliaan modal mengenai prospek pada masa hadapan. Peruntukan hutang lapuk perlu diuruskan dengan baik supaya menampung kerugian berdasarkan

kategori yang tertentu. Selain itu, penjadualan semula dapat mengurangkan pinjaman tidak berbayar di bank Islam.

AAOIFI (2000) mentakrifkan peruntukan sebagai aset-kontra dan ditubuhkan oleh caj dibuat sebagai perbelanjaan terhadap pendapatan. Peruntukan adalah dua jenis: am dan tertentu. Peruntukan spesifik adalah satu amaun yang diketepikan untuk mencerminkan kemerosotan nilai anggaran jenis khusus aset. Peruntukan tertentu hendaklah dipotong daripada yang berkaitan aset penghutang supaya kedudukan kewangan mereka adalah pada nilai yang bersamaan dengan nilai tunai mereka. peruntukan khusus yang berkaitan kepada setiap aset pembiayaan dan pelaburan juga ditolak daripada aset-aset ini supaya nilai mereka dilaporkan pada yang lebih rendah antara kos dan setara tunai nilai. Satu peruntukan am adalah suatu amaun yang diketepikan untuk mencerminkan potensi kerugian yang mungkin berlaku akibat risiko yang kini tidak dapat dikenal pasti berhubung dengan pembiayaan belum terima, atau aset pelaburan yang telah berlaku. Peruntukan am hendaklah dipotong daripada jumlah nilai aset penghutang, pembiayaan dan pelaburan. Bank Islam mesti mendedahkan di dalam nota-nota kepada penyata kewangan jumlah tertentu peruntukan dan peruntukan am yang berkaitan dengan aset penghutang, pembiayaan dan pelaburan.

Di Malaysia, BNM memerlukan institusi perbankan untuk membuat dua jenis peruntukan bagi hutang lapuk dan ragu. Kedua-dua jenis peruntukan adalah peruntukan am dan peruntukan tertentu. Peruntukan tertentu seperti yang ditakrifkan oleh BNM adalah jumlah satu set selain daripada keuntungan untuk menampung kerugian yang dijangka bagi pinjaman tertentu yang telah diklasifikasikan sebagai lapuk atau ragu walaupun jumlah sebenar kerugian tidak boleh disahkan. Seorang jeneral peruntukan adalah suatu amaun yang diketepikan daripada keuntungan untuk memenuhi kemungkinan kerugian pinjaman yang tidak dikenal pasti kepada mana-mana akaun pinjaman atau diketahui wujud pada tarikh laporan kewangan.

Hutang lapuk dianggap kerugian kepada sesebuah institusi bank. Pengurusan bank-bank Islam perlu lakukan dalam usaha untuk mengurangkan hutang lapuk adalah untuk menguruskan kutipan kredit. Setiap tahap kutipan ini sentiasa perlu dipantau dan dinilai pada bila-bila masa, jika ia berjaya juga pinjaman tidak berbayar di perbankan Islam dijangka menurun kepada menjadi lebih baik. Pengurusan hutang lapuk juga penting dalam mengurangkan risiko. Antara risiko yang berlaku akibat ketidakcekapan dalam menguruskan hutang lapuk adalah risiko kredit dan risiko operasi kepada bank. Ini keranarisiko merupakan suatu ketidakpastian yang dapat menimbulkan kerugian. Oleh kerana risiko memberi kesan kepada kewangan bank, maka sebolehnya risiko cuba dihapuskan dan dielakkan melalui beberapa pendekatan. Risiko kredit berlaku apabila peminjam tidak mampu membayar semula jumlah wang yang dipinjam dari pihak bank. Oleh hal yang demikian, ia memberi kesan kepada kewangan bank.

Prestasi kewangan sesebuah bank diancam oleh kejadian hutang lapuk. Kecairan dan keberuntungan bank menjadi sasaran utama peruntukan hutang lapuk. Ini kerana apabila sesebuah bank mempunyai aset yang banyak, ia memberi kesan yang baik kepada operasi bank. pinjaman tidak berbayar adalah ukuran risiko kredit. Oleh itu, semakin tinggi tahap pinjaman tidak berbayar, semakin tinggi risiko kredit. Apabila akaun pinjaman tidak dapat dipungut mengikut jadual, aliran tunai bank terganggu dan lambat laun, jika tidak dibendung, bank akan ketandusan kecairan dan gagal memenuhi permintaan pengeluaran para pendeposit. Akhirnya bank akan ditutup. Hutang lapuk menjadi punca kegagalan bank di Amerika Syarikat pada dua dekad yang lalu. Malahan, hutang lapuk juga mengakibatkan penutupan beberapa bank utama di kawasan Asia Pasifik. Keberuntungan bank terjejas oleh pinjaman tidak berbayar melalui dua cara. Apabila sesuatu pinjaman tidak berbayar tidak dapat dipungut langsung, keseluruhan amaun pinjaman dihapus kira dalam akaun bank sebagai perbelanjaan hutang lapuk yang akan merosotkan keuntungan bank. Bagi akaun pinjaman yang dikelaskan sebagai pinjaman tidak berbayar, peruntukan hutang ragu terpaksa dibuat. Hal ini sekali lagi akan mengurangkan keberuntungan bank. Pinjaman tidak berbayar membiakkan hutang lapuk yang menyedut kekuatan kewangan sesebuah bank.

Isu utama yang hendak dikaji dalam kajian ini ialah kesan pengaruh kitaran ekonomi terhadap pengurusan hutang lapuk di perbankan Islam. Peruntukan hutang lapuk adalah salah satu pendekatan yang dilaksanakan oleh bank untuk menampung kerugian apabila berlakunya hutang lapuk. Selain itu, masalah yang dikenalpasti adalah bagaimana bank menguruskan hutang lapuk di perbankan Islam.

Objektif kajian ini ialah :

- i. Menganalisis pengaruh kitaran ekonomi serta kesannya dalam pengurusan hutang lapuk.
- ii. Melihat pengurusan hutang lapuk di perbankan Islam.

Seterusnya didalam kajian ini akan membincangkan kajian lepas di bahagian kedua, diikuti spesifikasi model dibahagian ketiga, sampel kajian di bahagian keempat, analisis empirikal di bahagian kelima dan yang terakhir adalah kesimpulan kajian yang diperoleh.

KAJIAN LEPAS

Pengurusan hutang lapuk sangat penting dalam sesebuah institusi perbankan. Hal ini kerana ia mempengaruhi kestabilan kewangan sesebuah bank. Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan hutang lapuk di sesebuah bank. Sesebuah bank haruslah melakukan penjadualan semula terhadap tempoh pembayaran hutang. Oleh hal yang demikian ia dapat membantu peminjam untuk membayar pinjaman tersebut dalam masa yang ditetapkan. Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 280 yang bermaksud “ Dan jika orang berhutang itu dalam kesulitan, maka berilah tenggang waktu sampai dia memperoleh kelapangan. Dan jika kamu menyedekahkan, itu lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.” Oleh hal yang demikian, jika sesebuah bank memanjangkan tempoh pembayaran hutang, ia akan mengurangkan berlakunya hutang lapuk di sesebuah bank. Hutang lapuk yang banyak memberi kesan yang negatif terhadap prestasi kewangan di sesebuah bank.

Selain itu, apabila peminjam tidak dapat membayar pada waktu yang telah ditetapkan, bank akan mengenakan ta'widh dan gharamah kepada peminjam. Ta'widh adalah ganti rugi yang dikenakan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pembiaya kesan kelewatan pembayaran pembiayaan oleh penerima biaya. Gharamah pula ialah penalti atau denda yang dikenakan kerana kelewatan melunaskan hutang, tanpa perlu pembuktian kewujudan kerugian sebenar. Majlis Penasihat Syariah telah memutuskan bahawa ta'widh boleh dikenakan ke atas kelewatan pembayaran obligasi kewangan yang terhasil daripada akad-akad pertukaran (seperti jual beli dan sewaan) dan qard. Selain itu, Ta'widh hanya boleh dikenakan selepas tamat tempoh pelunasan hutang yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak. Gharamah tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan, sebaliknya perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan tertentu. Berdasarkan MPS dirujuk oleh mahkamah berhubung dengan persoalan sama ada kadar ta'widh boleh ditetapkan dan/atau dipersetujui terlebih dahulu (pre-determined) oleh pihak-pihak dalam suatu perjanjian tanpa dibuktikan kerugian yang dialami oleh pihak institusi kewangan. Keputusan MPS dalam mesyuarat ke-115 bertarikh 25 Ogos 2011 telah memutuskan seperti berikut:

- i. Pihak-pihak yang berkontrak dalam suatu perjanjian tidak boleh menentukan atau mempersetujui terlebih dahulu (pre-determined) kadar ta'widh berdasarkan perkiraan sesama sendiri.
- ii. Namun, mengambil kira kesukaran dalam menentukan jumlah kerugian sebenar dan keperluan kepada penyelarasan dan industri kewangan, pihak yang berkontrak boleh bersetuju dengan kadar ta'widh yang ditentukan oleh pihak berkuasa. Dalam konteks sektor perbankan, pihak berkuasa merujuk kepada Bank Negara Malaysia.

Dalam surah Yusuf ayat 47-49 yang menunjukkan bahawa kitaran ekonomi yang berlaku. Antara maksud ayat tersebut ialah 47. *Yusuf menjawab: “hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. 48. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya ; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). 49. “kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)”*.

Kitaran ekonomi adalah satu situasi yang mana KDNK ataupun Keluaran Kasar Dalam Negeri menurun kemudian meningkat berada diatas kemudian menurun semula. Sejarah krisis dan pembangunan ekonomi dunia menunjukkan kitaran ekonomi ini adalah satu perkara yang secara semula jadi berlaku yang mana berpunca daripada sebab-sebab tertentu. Ayat 47 hingga 49 dari Surah Yusuf ini telah memberikan gambaran yang jelas terhadap kitaran ekonomi. Ayat 47 menggambarkan perlunya berusaha untuk mengaut sebanyak mana hasil yang mampu. Penduduk Mesir juga diminta untuk menyimpan segala hasil yang dituai dan sedikit sahaja daripada hasil yang dituai itu digunakan untuk keperluan dan hajat. Kemudian Nabi Yusuf AS menggambarkan didalam ayat 48 bahawa akan datang suatu keadaan kemarau yang teruk yang menyebabkan penduduk Mesir tidak dapat menuai hasil selama tujuh tahun. Pada masa ini, hasil simpanan terpaksa digunakan untuk menampung keperluan hidup dan sedikit daripadanya perlu direzabkan untu dijadikan benih. Kemudian didalam ayat 49, Nabi Yusuf AS memberikan gambaran bahawa keadaan kembali menjadi stabil apabila mereka

dianugerahkan hujan. Ini menunjukkan tamatnya musim kemarau yang melanda Mesir. Dengan turunnya hujan, maka tanah kembali subur dan penduduk akan dapat menuai hasil dan menyimpan sebagaimana sebelum kemarau melanda. Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan Surah Yusuf, seseorang pengguna yang menyimpan hasil pendapatannya selama tujuh tahun dengan menggunakan hanya sebahagian kecil pendapatan untuk hanya keperluan terdesak, maka pengguna tersebut akan mampu menanggung hidup selama sekurang-kurangnya tujuh tahun jika dia terputus sumber pendapatan.

Kajian yang dilakukan oleh Saad Siddiqui, Kamran Shahzad, Zulfiqar (2012) adalah berbeza dengan mengkaji mengenai kesan turun naik kadar faedah pinjaman tidak berbayar yang menyebabkan hutang lapuk di perbankan Islam. Rohaya, Norsilawati dan Roza (2012) membuat kajian terhadap tahap kestabilan kewangan di perbankan Islam. Timothy Geithner and Gobind Nankani (2002) mengkaji bahawa pengurusan hutang lapuk memainkan peranan penting dalam mengekalkan kemampuan hutang jangka panjang. Dalam kajian ini, penulis menekankan kajian terhadap kebergantungan negara miskin (HIPC) terhadap negara maju untuk membuat pinjaman. Rinaldi dan Sanchis (2006) menyatakan bahawa keadaan kewangan bank yang baik mempengaruhi keadaan ekonomi. Kadar faedah yang tinggi menyebabkan kadar faedah meningkat.

Ia berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Mokhrainim dan Zulkarnain (2009) membandingkan pengeluaran dan pengurusan pinjaman tidak berbayar antara Bank-bank Islam di Malaysia dan bank-bank konvensional di UK dan Jepun. Oleh hal yang demikian, dalam jangka masa panjang, inflasi akan berlaku dan kadar pinjaman akan terjejas disebabkan kadar faedah dinaikkan. Selain itu, kitaran ekonomi mempengaruhi harga rumah dan ia memberi kesan negatif kepada kewangan kerana terdedah dengan risiko. Kitaran ekonomi yang berlaku menyebabkan perubahan dalam hutang lapuk dalam perbankan Islam. Bagi akaun pinjaman yang dikelaskan sebagai pinjaman tidak berbayar. Peruntukkan hutang ragu terpaksa dibuat. Pinjaman tidak berbayar menyebabkan kerugian pinjaman yang menyedut kestabilan kewangan sesebuah bank. Kajian yang dilakukan oleh Beattie et al. (1995) jelas menunjukkan kesan hutang lapuk dalam perbankan Islam. Dapatan kajian penulis mendapati hutang lapuk adalah sebab yang biasa dalam kegagalan sesebuah bank Islam. Ini kerana hutang lapuk memberi pengaruh dalam jumlah pinjaman. Kajian yang dilakukan oleh Timothy Geithner and Gobind Nankani (2002) mendapati kesan pinjaman yang tidak berbayar mempengaruhi jumlah pinjaman yang diberikan oleh institusi kewangan di negara-negara miskin. Kajian tersebut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Rinaldi dan Sanchis (2006) juga mendapati bahawa pinjaman tidak berbayar atau hutang lapuk menyebabkan bank mengalami risiko untuk beroperasi. Peningkatan mendadak dalam hutang dalam nisbah di negara maju membimbangkan kerana ia akan menjejaskan keadaan kewangan ekonomi negara. Peningkatan dalam pendapatan boleh guna menyebabkan mengurangkan jumlah hutang lapuk. Buku yang ditulis oleh Shamsudin Ismail (2009) menyokong pendapat yang dinyatakan oleh pengkaji pertama yang menunjukkan kesan pinjaman tidak berbayar kepada operasi bank. Apabila akaun pinjaman tidak dapat dipungut mengikut jadual, aliran tunai bank terganggu, jika hutang lapuk tidak dibendung, ia akan menyebabkan bank ketandusan kecairan dan gagal memenuhi permintaan pengeluaran para pendeposit. Apabila sesuatu pinjaman pinjaman tidak berbayar tidak dapat dipungut langsung, keseluruhan akaun pinjaman dihapus kira dalam buku akaun bank sebagai perbelanjaan hutang lapuk yang akan merosotkan keuntungan bank. Apabila bank dapat mengenalpasti jumlah pinjaman yang tidak berbayar bank akan memperuntukkan sejumlah peruntukkan untuk menampung kerugian bank mengikut kategori pinjaman tidak berbayar. Bank Negara Malaysia telah menetapkan satu standard bagi memperuntukkan peruntukkan mengikut kategori-kategori tertentu.

Sesuatu pinjaman yang baik berkemungkinan bertukar menjadi buruk semasa ekonomi berada di dalam keadaan tertekan. Ini dapat dibuktikan melalui peningkatan di dalam bilangan muflis semasa tempoh tersebut. Di samping itu, risiko mungkir ke atas pinjaman juga turut meningkat. Di antara sebabnya ialah kerana nilai jaminan ke atas pinjaman yang biasanya merupakan aset hartanah, cenderung untuk jatuh semasa ekonomi berada di dalam keadaan tertekan dan meningkat semasa ekonomi melambung. Bagaimanapun kerugian pinjaman tidak akan direalisasikan sehinggalah berlakunya kejatuhan ekonomi (Borio et al. 2001). Kajian tersebut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Cavello dan Majnoni (2002) mengaitkan keadaan ekonomi dengan gelagat budi bicara. Semasa kitaran ekonomi menurun, pihak bank dijangka akan mengambil jumlah peruntukan yang besar daripada keuntungan yang sememangnya rendah, manakala semasa kitaran ekonomi meningkat, peruntukan bagi kerugian pinjaman dijangka menurun akibat dari perolehan atau pendapatan peminjam yang lazimnya meningkat. Ia berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Beaver et al. (1989), yang menyatakan bahawa pasaran menganggap peningkatan dalam jumlah peruntukan kerugian pinjaman menggambarkan kualiti aset yang lemah yang mampu mengganggu aliran pendapatan di masa hadapan. Zoubi dan Al-Khazali (2007), berpendapat terdapat lima objektif

menggunakan peruntukan hutang lapuk iaitu pelicinan pendapatan, harga saham, bonus pengurusan, memberi isyarat mengenai kerugian pendapatan pada masa hadapan dan mematuhi keperluan undang-undang. Mereka juga mengatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keputusan pengurusan yang berkaitan dengan peruntukan hutang lapuk. Ini termasuk amaun pinjaman tidak berbayar, jumlah pinjaman hapus kira, pendapatan dahulu dan sekarang, nisbah kecukupan modal dan saiz bank. Bank boleh meningkatkan rizab mereka dengan meningkatkan peruntukan hutang lapuk pada tahun kewangan terbaik. Peruntukan hutang lapuk umumnya boleh digunakan oleh bank-bank untuk mengatasi dan mengurus masalah kerugian daripada aktiviti pinjaman, memenuhi peraturan atau undang-undang ke atas keperluan modal dan mengurus pendapatan pada masa kini dan masa depan.

Tambahan pula, menguruskan hutang lapuk dalam sesebuah perbankan sangat penting kerana ia mempengaruhi modal disesebuah bank. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ahmed, Takeda dan Thomas (1999) pula mengulas bahawa menggunakan peruntukan hutang lapuk dalam pengurusan modal telah menurun secara konsisten apabila modal insentif pengurusan berubah. Penggunaan peruntukan hutang lapuk untuk meningkatkan jumlah nisbah modal adalah lebih mahal kerana kesan bertentangan bahawa peruntukan hutang lapuk yang mempunyai modal *Tier 1*. Walaubagaimanapun, peruntukan hutang lapuk akan mempunyai kesan ke atas jumlah modal *Tier 2* dan kesan ini bergantung kepada nisbah rizab hutang lapuk. Jika jumlah rizab hutang lapuk adalah di bawah 1.25% daripada aset ber wajaran risiko, peruntukan hutang lapuk akan mempunyai kesan positif ke atas modal *Tier 2*. Namun ia berbeza dengan peruntukan yang digunakan oleh bank Islam di Jordan.

Klasifikasi hutang lapuk

Standard pelaksanaan Garis Panduan Klasifikasi Pinjaman Tidak Berbayar Dan Peruntukan Substandard, Hutang Lapuk Dan Ragu.

Garis Panduan ini menetapkan standard minimum pengelasan pinjaman tidak berbayar dan rawatan faedah terakru apabila pinjaman bertukar tidak berbayar. Ia juga menetapkan peruntukan kerugian pinjaman minimum untuk klasifikasi pinjaman masing-masing, termasuk peruntukan am sebanyak 1.5%, dan memerlukan peruntukan tambahan bagi pinjaman terjejas. Institusi perbankan dikehendaki untuk mengkaji kecukupan umum dan peruntukan tertentu bagi substandard, hutang lapuk dan ragu pada setiap masa untuk memastikan bahawa peruntukan yang diketepikan mencerminkan potensi kerugian mereka. Secara umum, institusi perbankan dikehendaki mematuhi minimum berikut parameter berhubung peruntukan tertentu:

Tempoh Keingkar	Klasifikasi	Peruntukan khusus mengenai kekurangan dalam cagaran nilai
6 bulan dari hari pertama mungkir tetapi kurang dari 9 bulan	Substandard melainkan jika terdapat bukti klasifikasi lebih teruk	20% peruntukan kecuali keseluruhan peruntukan kerugian pinjaman adalah mencukupi
9 bulan dari hari pertama mungkir tetapi kurang dari 12 bulan	Ragu melainkan terdapat bukti untuk menyokong klasifikasi yang lebih teruk	50%
12 bulan dan ke atas	Lapuk	100%

Untuk pinjaman dengan pembayaran balik yang dijadualkan pada selang 3 bulan atau lebih, keperluan minimum adalah seperti berikut:

Tempoh Keingkar	Klasifikasi	Peruntukan khusus mengenai kekurangan dalam cagaran nilai
6 bulan dari hari pertama mungkir tetapi kurang dari 9 bulan	Substandard melainkan jika terdapat bukti klasifikasi lebih teruk	20% peruntukan kecuali keseluruhan peruntukan kerugian pinjaman adalah mencukupi
9 bulan dari hari pertama mungkir tetapi kurang dari 12 bulan	Ragu melainkan terdapat bukti untuk menyokong klasifikasi yang lebih teruk	50%
12 bulan dan ke atas	Lapuk	100%

Walau apa pun di atas, institusi perbankan perlu terus berpandu oleh prinsip-prinsip am yang terbentang di bawah untuk tujuan menentukan tahap peruntukan yang diperlukan:

1) Akaun substandard

Kemudahan kredit atau sebahagian daripadanya, yang melibatkan lebih daripada risiko biasa kerugian yang disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang buruk, tetapi yang berada pada peringkat ini, tidak dianggap sebagai ragu atau lapuk. Faktor-faktor yang buruk boleh termasuk kelewatan dalam keadaan servis hutang, kewangan tidak menguntungkan, tidak mencukupi cagaran atau faktor-faktor lain yang menimbulkan beberapa keraguan terhadap keupayaan pembayaran balik peminjam.

2) Akaun ragu

Kemudahan kredit atau apa-apa bahagian mana koleksi sepenuhnya adalah mustahil dan terdapat risiko tinggi keingkaran muktamad.

3) Akaun-akaun lapuk

Kemudahan kredit atau apa-apa bahagian yang dianggap tidak boleh dikuti tidak bernilai, berdasarkan keadaan yang relevan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengambil kira 17 buah bank Islam penuh terpilih oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Tahun 1997 sebagai tahun permulaan dan tahun 2010 sebagai tahun terkini kajian itu dibuat. Gabungan 17 buah bank untuk tempoh 1997-2010 telah menghasilkan data panel yang dapat dimanfaatkan untuk tujuan penganggaran. Berdasarkan artikel Faridah Najuna Misman & Wahida Ahmad (2011), turut membincangkan teori yang sama. Model kajian ini menyentuh pembolehubah spesifik bank yang mempengaruhi peruntukan hutang lapuk. Model tersebut ialah :

$$LLP_{it} = \beta_0 + \beta_1 ROA_{it} + \beta_2 EBTP_{it} + \beta_3 NPL_{it} + \beta_4 CR_{it} + \varepsilon_{it}$$

Di mana LLP_{it} adalah peruntukan hutang lapuk dari i bank pada masa t , dengan $i = 1, \dots, N$, $t = 1, \dots, T$. EBTP adalah pendapatan sebelum cukai dan peruntukan. CR pula ialah nisbah modal. Berikut adalah kerangka model yang telah dikembangkan dan diubahsuai. Pembolehubah dalaman bank dan pembolehubah makroekonomi dimasukkan dalam model yang diubahsuai.

Model yang dibentuk adalah :

$$LLP_{it} = \beta_0 + \beta_1 TC_{it} + \beta_2 TA_{it} + \beta_3 TF_{it} + \beta_4 NPL_{it} + \beta_5 LLA_{it} + \beta_6 KDNK_t + \beta_7 M3_t + \varepsilon_{it}$$

Penerangan pembolehubah :

- i. Peruntukan hutang lapuk (LLP_{it}) merupakan peruntukan hutang lapuk atau boleh juga disebut peruntukan kerugian pinjaman adalah akruan yang agak besar kepada sejumlah nisbah pembiayaan terkumpul bagi setiap institusi bank perdagangan dan dengan itu mempunyai impak yang ketara kepada hasil pendapatan bank dan pengawalseliaan modal. Tujuan peruntukan hutang lapuk adalah untuk menyesuaikan pinjaman bank dan rizab hutang lapuk bank bagi persediaan kerugian pada masa hadapan.
- ii. Jumlah modal (TC_{it}) iaitu ditakrifkan sebagai aset tolak liabiliti dan campur beberapa bentuk hutang dan rizab yang telah ditentukan oleh penyelia bank. modal mestilah berbayar penuh dan berada dalam bank dalam keadaan tetap.
- iii. Jumlah aset (TA_{it}) ialah hasil tambah antara tunai, deposit, pelaburan, untuk urusniaga dan pinjaman bank. jumlah aset bank boleh berubah dengan adanya perubahan dalam kawalan peraturan modal seperti peningkatan rizab di bank pusat. Jumlah aset mempengaruhi prestasi kewangan bank.

- iv. Jumlah pembiayaan (TF_{it}) merupakan pembiayaan bank merupakan penyumbang utama kepada pencapaian matlamat perbankan. Ia memenuhi keperluan kredit sah masyarakat yang mendapat perkhidmatan bank berkenaan. Pembiayaan memainkan peranan yang penting dalam memastikan kelangsungan sesebuah bank tersebut.
- v. Pinjaman tidak berbayar (NPL_{it}) merupakan pinjaman tidak berbayar meliputi jumlah pinjaman tertunggak (pokok dan faedah) yang diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar apabila bahagian pokok atau faedah tertunggak selama enam bulan atau lebih. Semua faedah ke atas pinjaman tidak berbayar mestilah digantung selepas pengkelasan. Apabila sesuatu akaun pinjaman itu diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar, faedah pinjaman diakrukan dan tidak dkreditkan kepada akaun pendapatan, iaitu faedah digantung.
- vi. Elaun hutang lapuk (LLA_{it}) adalah elaun hutang lapuk pula dapat didefinisikan sebagai elaun penilaian untuk mengimbangi kerugian kredit yang dikenal pasti secara khusus dalam portfolio pinjaman, serta anggaran pengurusan terbaik kemungkinan kerugian dalam baki portfolio pada tarikh kunci kira-kira. Dengan adanya elaun hutang lapuk ini, ia akan memudahkan pengurus pinjaman wang untuk mengenal pasti risiko-risiko wujudnya hutang lapuk.
- vii. Keluaran dalam negara kasar ($KDNK_t$) merupakan keluaran dalam negara kasar ($KDNK$) ialah mengukur nilai barang akhir dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh faktor-faktor pengeluaran yang berada di sebuah negara dalam jangka masa setahun. $KDNK$ tidak mengambil kira sama ada faktor itu dimiliki oleh penduduk negara itu atau penduduk negara lain. $KDNK$ sebagai ukuran pembangunan makroekonomi. Pemboleh ubah ini menjadi petunjuk kepada kitaran ekonomi di mana kos bank dijangka berhubungan dengan kitaran ekonomi.
- viii. Penawaran wang ($M3_t$) adalah penawaran wang merujuk kepada bekalan wang atau jumlah semua jenis wang yang dipegang oleh orang ramai pada sesuatu masa. Penawaran wang secara keseluruhannya mengandungi $M1$, $M2$ dan $M3$. Pertumbuhan bekalan wang menunjukkan pertumbuhan sebenar terutama petunjuk potensi pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Ia menunjukkan tindak balas kewujudan wang di mana ia dikaitkan dengan penciptaan wang oleh bank melalui pinjaman. Pertumbuhan wang berlebihan menandakan satu risiko terlampau bagi ekonomi dan seiringnya akan berlaku peningkatan inflasi.

ANALISIS EMPIRIKAL

Analisis deskriptif adalah untuk melihat ciri statistik data setiap pembolehubah yang digunakan dalam model kajian yang dibentuk. Antara ciri statistik yang digunakan dalam menentukan kelakuan statistic pembolehubah adalah min, median, sisihan piawai, kepencongan (skewness), kepuncakan(kurtosis) dan nilai Jarque Bera. Min bermaksud nilai purata bagi setiap pembolehubah yang digunakan dalam kajian. Berdasarkan jadual 1, jumlah modal (TC_{it}) mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 31501 995. Manakala min yang terendah adalah pembolehubah elaun hutang lapuk (LLA_{it}) dengan nilai - 310233.3. Manakala pembolehubah pinjaman tidak berbayar, (NPL_{it}) adalah nilai median yang tertinggi dan pembolehubah elaun hutang lapuk (LLA_{it}) adalah nilai median yang terendah. Nilai sisihan piawai adalah untuk menentukan variasi sesuatu data yang digunakan. Berdasarkan jadual, nilai sisihan piawai yang tertinggi ialah pembolehubah elaun hutang lapuk (LLA_{it}) manakala nilai sisihan piawai yang terendah ialah pembolehubah jumlah aset (TA_{it}) Nilai kepencongan ke kiri iaitu pembolehubah jumlah aset, jumlah pembiayaan (TF_{it}) dan elaun hutang lapuk. Manakala nilai kepuncakan (kurtosis) bagi semua pembolehubah adalah tidak menghampiri nilai 3. Oleh itu, data tidak bertaburan secara normal. Ujian Jarque –Bera adalah bertujuan untuk melihat tahap kenormalan taburan data. Kesemua pembolehubah adalah signifikan. Ini menunjukkan data bertaburan secara tidak normal.

Ringkasan Kolerasi Matrik

Analisis korelasi merupakan kaedah mudah untuk mengesan kewujudan hubungan (kolineariti) berbilang dalam data berdasarkan matriks korelasi pemboleh ubah. Jadual 2 menunjukkan hasil korelasi matriks antara pembolehubah bersandar (financing) dan pembolehubah bebas yang lain. Kolerasi matriks menunjukkan kesemua pembolehubah berhubung secara positif kecuali pembolehubah LLA_{it} dan $KDNK_t$ yang berhubung secara songsang dengan peruntukan hutang lapuk di perbankan Islam. Pembolehubah pinjaman tidak berbayar, NPL_{it} adalah berhubung secara linear dengan peruntukan hutang lapuk. Ini menunjukkan peningkatan dalam jumlah pinjaman tidak berbayar menyebabkan bank perlu menyediakan jumlah yang besar untuk peruntukan hutang lapuk bagi menjamin kestabilan kewangan bank.

Hasil Penganggaran Model

Analisis penganggaran dilakukan bagi gabungan data siri masa dan keratan rentas yang mengambil kira ketiga-tiga model. Penganalisan data dalam bahagian ini adalah melibatkan pengujian terhadap beberapa kaedah model iaitu model tanpa kesan (no effects), kesan tetap (fixed effects) dan juga kesan rawak (random effects). Hasil ketiga-tiga model dilampirkan dalam kajian ini. Ujian Redundant dilakukan bagi menguji model tanpa kesan melawan model kesan tetap. Dalam ujian terhadap ketiga-tiga model menunjukkan nisbah-F yang digunakan adalah lebih besar nilainya daripada nilai kritikal. Maka dapat disimpulkan bahawa model tanpa kesan adalah tidak sesuai dalam kajian ini. Sebaliknya model kesan tetap adalah sesuai.

Kaedah yang sama juga digunakan bagi membandingkan antara model kesan tetap dengan model kesan rawak tetapi dengan menggunakan Ujian Hausman. Nilai chi-square bagi model yang digunakan adalah signifikan. Maka hipotesis nol ditolak. Oleh itu, kesan tetap adalah lebih baik daripada kesan rawak.

Berdasarkan jadual 4, terdapat pembolehubah yang signifikan iaitu pembolehubah TC_{it} , TA_{it} , NPL_{it} , LLA_{it} dan $KDNK_t$. Manakala pembolehubah yang tidak signifikan ialah pembolehubah TF_{it} dan $M3_t$. Hasil yang tidak signifikan dalam kajian ini menunjukkan peruntukan hutang lapuk di perbankan Islam tidak dipengaruhi oleh jumlah pembiayaan dan penawaran wang.

Bagi pembolehubah TA_{it} adalah menunjukkan hubungan positif yang signifikan. Dapatan ini seiring dengan penemuan Neila B. T., Sarra B. S. Z. dan Abdelkadir Boudriga (2010) yang mengatakan bahawa jumlah aset bank yang besar mempunyai tahap perniagaan yang lebih tinggi dan dijangka mempunyai peruntukan hutang lapuk yang lebih tinggi daripada bank yang lebih kecil. Manakala pembolehubah NPL_{it} adalah berhubung secara positif dan signifikan. Ini menunjukkan pengurangan dalam pinjaman tidak berbayar akan mengurangkan peruntukan hutang lapuk. Selain itu, pembolehubah LLA_{it} adalah berhubung secara positif dan ia signifikan. Dapatan ini setara dengan penemuan Kiridaran K., Gopal V. K. & Gerald J. L. (2009) yang menggunakan pemboleh ubah elau hutang lapuk dalam menganalisis peruntukan hutang lapuk dalam kajian mereka dan hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan seiring dengan dapatan bagi kajian ini. Pembolehubah keluaran dalam negara kasar, $KDNK_t$ adalah hubungan yang signifikan dengan peruntukan hutang lapuk. Ini menunjukkan apabila berlaku kemelesetan ekonomi, ia akan menjejaskan peluang pekerjaan. Oleh hal yang demikian ia mempengaruhi peruntukan hutang lapuk di perbankan Islam. Ini kerana kemungkiran peminjam untuk membayar pinjaman adalah tinggi. Nilai R^2 adalah 0.09598 iaitu 96%. Ini menunjukkan 96% pembolehubah bersandar dapat diterangkan oleh pembolehubah tidak bersandar.

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan pembolehubah makroekonomi juga mempengaruhi peruntukan hutang lapuk di perbankan Islam. Selain itu, kajian ini juga mengemukakan beberapa cadangan yang bersesuaian dengan perbankan Islam dalam menguruskan peruntukan hutang lapuk di perbankan Islam iaitu :

- i. Pengurusan peruntukan hutang lapuk di perbankan Islam sangat penting bagi menjamin kestabilan bank dan mengelakkan bank untuk berlaku kerugian.
- ii. Selain itu, peruntukan hutang lapuk dipengaruhi oleh kitaran ekonomi. Hal ini kerana apabila berlaku kemelesatan ekonomi, menyebabkan muflis dan seterusnya menyebabkan kemungkiran pinjaman oleh peminjam. Oleh itu, bank akan memperuntukan hutang lapuk yang lebih bagi menampung kerugian yang bakal berlaku.
- iii. Tambahan pula, pihak bank boleh memanjangkan tempoh pembiayaan untuk peminjam bagi mengelakkan berlakunya pinjaman tidak berbayar. Apabila peminjam tidak dapat membayar dalam tempoh masa yang ditetapkan, pihak bank akan mengenakan ta'widh dan gharamah kepada peminjam. Ini adalah salah satu langkah bank Islam bagi mengelakkan kemungkiran terhadap pinjaman.

BIBLIOGRAFI

- Anwer S.A, Carolyn T., & Shawn Thomas (1999), Bank Loan Loss Provisions: A Reexamination Of Capital Management, Earnings Management And Signaling Effects, *Journal of Accounting And Economics*. USA: Elsevier (28), 1-25.
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Chi-Chun Liu and Stephen G. Ryan (2006), Income Smoothing over the Business Cycle: Changes in Banks' Coordinated Management of Provisions for Loan Losses and Loan Charge-Offs from the Pre-1990 Bust to the 1990s Boom, *The Accounting Review*, Vol. 81, No. 2, h.421-441.
- Daniel P., Vicenta S. F. & Jesus S. (2011), *Do Dynamic Provisions Reduce Income Smoothing Using Loan Loss Provisions?*. Spain: Banco De Espana.
- Faridah Najuna Misman & Wahida Ahmad (2011), Loan Loss Provision: Evidence from Malaysian Islamic And Conventional Banks, *International Review Of Business Research Paper*. Malaysia, Jil. 7, h. 94-103.
- James M. Wahlon (1994), The Nature of Information in Commercial Bank Loan Loss Disclosures, *The Accounting Review*, Vol. 69, No. 3 h.455-478.
- Kiridaran K., Gopal V. K. & Gerald J. L. (2009), Is The Market Valuation Of Banks' Loan Loss Provision Conditional On Auditor Reputation?, *Journal Of Banking And Finance*. USA: Elsevier, h. 1039-1047.
- Luc L. & Giovanni M. (2002), *Loan Loss Provisioning And Economic Slowdowns: Too Much, Too Late?*. Washington: World Bank.
- Laura Rinaldi dan Alicia Sanchis- Arrelano (2006), *Household Debt Sustainability: What Explains Household Non Performing Loans? An Empirical Analysis*, Working Paper Series, European Central Bank.
- Mohamad Taquiuddin Mohamad (2009), *Penentu Kewangan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia: Kajian Di Bank-Bank Islam Terpilih*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mokhrainim Mokhtar dan Zukarnain Zakaria (2009), *Classification and Management of Non-Performing Loans of Islamic Banks and Conventional Banks: A Comparative Study*, *Jurnal Teknologi*, 31-56
- Neila B.T., Sarra B. S. Z., & Abdelkadir Boudriga (2010), Do Islamic Banks Use Loan Loss Provisions To Smooth Their Results, *Jurnal Of Islamic Accounting And Business Research*. Tunisia: Emerald. vol. 1, no. 2, h. 114-127.
- Resolusi Syariah, Bank Negara Malaysia (2010-2011).
- Shamsudin Ismail (2009), *Pengurusan Bank Perdagangan Di Malaysia*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 291.
- Saad Siddiqui, Kamran Shahzad Malik dan Syed Zulfiqar Ali Shah (2012), *Impact of Interest Rate Volatility on Non-Performing Loans in Pakistan*, *International Research Journal of Finance and Economics* (84)
- Siti Rohaya Mat Rahim, Norsilawati Mohd Hassan dan Roza Hazli Zakaria (2012), *Islamic Vs. Conventional Bank Stability: 'A Case Study Of Malaysia'*, kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII, pada 4 – 6 Jun 2012
- Timothy Geithner dan Gobind Nankani (2002), *External Debt Management in Heavily Indebted Poor Countries (HIPCs)*, International Development Association and International Monetary Fund.
- Zoubi T.A. & Al-Khazali O. (2007), Empirical Testing Of The Loss Provisions Of Banks In The GCC Region, *Managerial Finance*, 33 (7), 200-511.

LAMPIRAN

JADUAL 1 : Statistik deskriptif

	LLP	TC	TA	TF	NPL	LLA	KDNK	M3
Mean	244958.2	31501994	14.84839	13.91332	44783188	-310233.3	10.11034	7.001739
Median	50397.00	434126.0	15.19838	14.49395	2575990.	-13589.00	7.912965	8.196149
Std. Dev.	856146.6	2.90E+08	2.106553	2.617141	2.67E+08	2609752.	23.71554	10.88170
Skewness	9.210947	11.48948	-0.325503	-1.905421	7.084800	-12.25651	1.616526	0.254311
Kurtosis	101.2599	136.4148	5.089253	10.63404	52.86208	157.4805	7.006791	4.327591
Jarque-Bera	68711.36*	112256.2*	38.31028*	558.1422*	22055.83*	182468.9*	260.6522*	18.61183*

*signifikan pada 1%

**signifikan pada 5%

***signifikan pada 10%

JADUAL 2 : Kolerasi Matrik

Correlation t-Statistic								
Probability	LLP _{it}	TC _{it}	TA _{it}	TF _{it}	NPL _{it}	LLA _{it}	KDNK _t	M3 _t
	1.000000							
	0.312678	1.000000						
	0.612078	0.409439	1.000000					
	0.453698	0.241599	0.910039	1.000000				
	0.801004	0.522554	0.633254	0.441645	1.000000			
	-0.969324	-0.395318	-0.594421	-0.420714	-0.876325	1.000000		
	-0.098697	-0.003497	0.113923	0.177440	-0.047780	0.077332	1.000000	
	0.066437	0.009090	0.159382	0.135851	0.032940	-0.058854	0.099284	1.000000

JADUAL 3 : Ujian spesifikasi dan Diagnostik

Redundant Fixed Effects Tests			
Equation: Untitled			
Test cross-section fixed effects			
Effects Test	Statistic	d.f.	Prob.
Cross-section F	1.933167	(15,91)	0.0295
Cross-section Chi-square	31.533700	15	0.0074

Correlated Random Effects - Hausman Test			
Equation: Untitled			
Test cross-section random effects			
Test Summary	Chi-Sq. Statistic	Chi-Sq. d.f.	Prob.
Cross-section random	21.817883	7	0.0027

JADUAL 4 : Keputusan Penganggaran Model : Model Kesan Tetap

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
TC	-0.000203	7.43E-05	-2.734804	0.0073*
TA	104583.7	41945.08	2.493347	0.0142***
TF	-18720.74	28801.39	-0.649994	0.5171
NPL	-0.000800	0.000165	-4.838470	0.0000*
LLA	-1.437463	0.053934	-26.65203	0.0000*
KDNK	-1424.749	826.6399	-1.723542	0.0877*
M3	-1292.599	3303.613	-0.391268	0.6964
C	-1206768.	311886.9	-3.869248	0.0002
R-squared	0.959768	Mean dependent var		300646.8
Adjusted R-squared	0.957112	S.D. dependent var		1012852.
S.E. of regression	209756.5	Akaike info criterion		27.41287
Sum squared resid	4.66E+12	Schwarz criterion		27.60489
Log likelihood	-1554.534	Hannan-Quinn criter.		27.49080
F-statistic	361.2498	Durbin-Watson stat		1.101417
Prob(F-statistic)	0.000000			

*signifikan pada 1%

**signifikan pada 5%

***signifikan pada 10%

JADUAL 5: Keputusan Penganggaran Model : Model Tanpa Kesan

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
TC	-0.000203	7.43E-05	-2.734804	0.0073*
TA	104583.7	41945.08	2.493347	0.0142*
TF	-18720.74	28801.39	-0.649994	0.5171
NPL	-0.000800	0.000165	-4.838470	0.0000*
LLA	-1.437463	0.053934	-26.65203	0.0000*
KDNK	-1424.749	826.6399	-1.723542	0.0877*
M3	-1292.599	3303.613	-0.391268	0.6964
C	-1206768.	311886.9	-3.869248	0.0002
R-squared	0.959768	Mean dependent var		300646.8
Adjusted R-squared	0.957112	S.D. dependent var		1012852.
S.E. of regression	209756.5	Akaike info criterion		27.41287
Sum squared resid	4.66E+12	Schwarz criterion		27.60489
Log likelihood	-1554.534	Hannan-Quinn criter.		27.49080
F-statistic	361.2498	Durbin-Watson stat		1.101417
Prob(F-statistic)	0.000000			

*signifikan pada 1%

**signifikan pada 5%

***signifikan pada 10%

JADUAL 6 : Keputusan Penganggaran Model : Model Kesan Rawak

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
C	-875326.9	368484.5	-2.375478	0.0196
TC	-0.000787	0.000625	-1.258569	0.2114
TA	107356.9	47422.67	2.263832	0.0260**
TF	-36011.38	32834.40	-1.096758	0.2756
NPL	-0.002910	0.002378	-1.223617	0.2243
LLA	-1.308285	0.123514	-10.59219	0.0000*
KDNK	-658.0160	842.2552	-0.781255	0.4367
M3	782.6448	3246.262	0.241091	0.8100
R-squared	0.969490	Mean dependent var		300646.8
Adjusted R-squared	0.962115	S.D. dependent var		1012852.
S.E. of regression	197143.4	Akaike info criterion		27.39942
Sum squared resid	3.54E+12	Schwarz criterion		27.95146

Log likelihood	-1538.767	Hannan-Quinn criter.	27.62346
F-statistic	131.4396	Durbin-Watson stat	1.264262
Prob(F-statistic)	0.000000		

*signifikan pada 1%

**signifikan pada 5%

***signifikan pada 10%